

STATUS TINDAKAN BAGI ISU YANG DILAPORKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGAUDITAN PEMATUHAN AGENSI PERSEKUTUAN

- KEDUDUKAN SETAKAT 31 OGOS 2023

1.1. Jabatan Audit Negara berperanan membantu Agensi Persekutuan memantau kelemahan yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN). Sistem Auditor General's Dashboard (AGD) telah dibangunkan bagi memaparkan isu dan status tindakan terkini terhadap isu yang dilaporkan. Kaedah ini berjaya membantu Agensi Persekutuan menyalurkan maklumat dengan lebih cepat mengenai tindakan penambahbaikan yang sedang/telah diambil dengan mengemas kini maklum balas secara dalam talian. Hal ini membuktikan keprihatinan Kerajaan dalam melaporkan kedudukan terkini isu LKAN serta tindakan yang diambil untuk makluman semua pihak berkepentingan yang berkaitan dan pihak awam secara keseluruhannya.

1.2. Mulai tahun 2019, isu yang disusul turut diperluaskan kepada LKAN Pengauditan Pematuhan dan seterusnya dipaparkan melalui sistem AGD mulai LKAN Tahun 2019. Paparan secara dalam talian ini menjadi pencetus bagi mempercepatkan susulan dan penyelesaian isu Audit yang dibangkitkan dalam LKAN. Usaha ini sekaligus dapat memastikan pematuhan kepada akta, pekeliling, peraturan kewangan serta kontrak yang berkuat kuasa dalam menjaga wang atau harta awam untuk kepentingan Kerajaan.

1.3. Portal AGD juga boleh diakses oleh semua pihak termasuk orang awam untuk mengetahui **status tindakan bagi isu LKAN secara masa nyata (real time)**. Setiap isu dikategorikan mengikut tiga warna ikon lampu isyarat lalu lintas (traffic light icons), iaitu **Merah (tiada maklum balas atau maklum balas tidak menjawab isu yang dibangkitkan), Kuning (dalam tindakan) dan Hijau (tindakan telah selesai diambil)**. Maklumat mengenai status tindakan terhadap isu yang dipaparkan juga boleh digunakan sebagai panduan kepada Agensi Persekutuan yang lain untuk mengelakkan kelemahan yang sama berulang.

1.4. Susulan yang dilaksanakan adalah berdasarkan piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh The International Organization of Supreme Audit Institutions (INTOSAI). Perenggan 60, International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 400 menyatakan "*A follow-up process facilitates the effective implementation of corrective action and provides useful feedback to the audited entity, the users of the audit report*". Pelaporan mengenai status susulan melalui sistem AGD dalam LKAN juga adalah selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 9(8), Akta Audit 1957 [Akta 62].

1.5. Setakat 31 Ogos 2023, susulan Audit telah dilaksanakan terhadap 21 Pengauditan Pematuhan di Agensi Persekutuan yang berkenaan. Liputan susulan terhadap isu Audit yang dilaporkan mengikut Agensi Persekutuan setakat LKAN Tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 1**.


JADUAL 1
LIPUTAN SUSULAN TERHADAP ISU AUDIT BERKAITAN
PENGAUDITAN PEMATUHAN AGENSI PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN

BIL.	AGENSI	BILANGAN PENGAUDITAN	SUSULAN AUDIT (Bilangan Isu Disusul)
1.	Jabatan Perdana Menteri (JPM)	2	7
	i. Lembaga Tabung Haji (LTH)	1	3
	ii. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)	1	4
2.	Kementerian Kewangan (MoF)	1	4
	i. Bank Negara Malaysia (BNM)	1	4
3.	Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK)	1	3
	i. Lembaga Getah Malaysia (LGM)	1	3
4.	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)	3	9
	i. Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)	1	3
	ii. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	1	3
	iii. Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)	1	3
5.	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)	1	2
	i. Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)	1	2
6.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)	2	4
	i. Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)	2	4
7.	Kementerian Pengangkutan (MOT)	1	4
	i. Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)	1	4
8.	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)	1	3
	i. Akademi Sains Malaysia (ASM)	1	3
9.	Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT)	1	1
	i. Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)	1	1
10.	Kementerian Belia dan Sukan (KBS)	1	6
	i. Perbadanan Stadium Malaysia (PSM)	1	6
11.	Kementerian Sumber Manusia (KSM)	1	2
	i. Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)	1	2
12.	Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD)	1	4
	i. Jabatan Perlindungan Data Peribadi (PDP)	1	4
13.	Kementerian Pertahanan (MINDEF)	2	6
	i. Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)	1	2
	ii. Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM)	1	4
14.	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	2	6
	i. Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP)	1	4
	ii. Yayasan Guru Tun Hussein Onn (YGTHO)	1	2
15.	Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	1	2
	i. Universiti Teknologi Mara (UiTM)	1	2
JUMLAH		21	63

Sumber: Maklumat dijana daripada Sistem AGD pada 31 Ogos 2023


1.6. Setakat 31 Ogos 2023, terdapat 63 isu telah dibangkitkan. Sebanyak 54 isu (85.7%) daripada keseluruhan isu tersebut telah Selesai manakala 9 isu (14.3%) masih Dalam Tindakan. Ringkasan adalah seperti dalam **Carta 1** dan **Carta 2**.

CARTA 1
STATUS TINDAKAN ISU
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SETAKAT 31 OGOS 2023




Sumber: Maklumat dijana daripada Sistem AGD pada 31 Ogos 2023

CARTA 2
STATUS TINDAKAN TERHADAP ISU YANG
DIBANGKITKAN MENGENAI AGENSI PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN SETAKAT 31 OGOS 2023



Sumber: Maklumat dijana daripada Sistem AGD pada 31 Ogos 2023

1.7. Butiran terperinci dan kedudukan terkini isu yang berstatus Dalam Tindakan bagi LKAN Pengauditan Pematuhan di peringkat Agensi Persekutuan boleh diakses melalui sistem AGD. Imbasan QR Code di bawah akan memaparkan kedudukan terkini status isu secara *real time*.



Nota: Maklumat yang dipaparkan semasa imbasan melalui QR Code adalah yang terkini.

1.8. Agensi Persekutuan adalah disyorkan untuk melaksanakan tindakan penambahbaikan secara berterusan. JAN berperanan untuk menyusul isu yang belum selesai sehingga tindakan korektif dan penambahbaikan yang bersesuaian diambil. Status bagi tindakan tersebut dipaparkan melalui portal AGD, yang boleh diakses oleh orang awam.